

KEMELUT SEKOLAH SUKAN MALAYSIA

Bukan salah alma mater

➔ Suhaimi gesa setiap pelajar berusaha tentukan haluan kerjaya, kejayaan masa depan

Oleh Zulfaizan Mansor, Firdaus Hashim, Naqib Nor Said, Syafiq Aznan dan Aida Adilah Mat
sukanteam@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Kejayaan seseorang atlet itu bergantung kepada individu itu sendiri bagaimana dia mahu memajukan dirinya ke arah yang diinginkan.

Andai mereka gagal adakah pihak sekolah juga yang perlu dipersalahkan?

Itu persoalan yang diajukan Pengetua Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI), Suhaimi Sun yang berpendapat pihak sekolah sudah melakukan yang terbaik untuk memastikan pelajar berjaya baik dalam pelajaran mahupun kariernya di masa depan.

Buktinya, seramai 48 dari 51 pelajar yang melanjutkan pelajaran di prauniversiti di SSTMI berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.

"Ramai atlet dari sekolah sukan kini berada di menara gading. Mereka menyambung dalam pelbagai bidang termasuk dalam Kejuruteraan Aeroangkasa.

"Dari awal penubuhan SSTMI lagi kami sudah memberi penumpuan terhadap pelajaran untuk setiap atlet. Saya mahu pelajar SSTMI khasnya mempunyai sesuatu sebagai bekalan pada masa hadapan.

"Jadi siapa yang perlu dipersalahkan ketika sekolah sudah memberikan peluang dan ruang untuk mereka tetapi tidak digunakan sebaik mungkin untuk memastikan kejayaan itu milik mereka," katanya.

Tak adil salahkan sekolah

Menurutnya, sekolah sukan ketika ini bukan hanya memberi tumpuan kepada sukan semata-mata tapi ia juga menjurus kepada kejayaan akademi dan siasah pelajar itu sendiri.

"Pelajaran dan sukan perlu berjalan seiring. Ramai pelajar dari SSTMI khasnya sudah berjaya bukan hanya di peringkat luar tapi juga berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke universiti.

"Ambil contoh kejayaan pemain hoki yang menyumbangkan emas di temasya Olimpik Belia, lapan dari sembilan atlet mereka adalah dari SSTMI.

"Dua daripadanya pelajar yang akan menduduki SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) dan enam prauniversiti," katanya.

Katanya, tidak adil jika kegagalan seseorang atlet itu diletakkan sepenuhnya di bahu sekolah ketika pihak mereka sudah melakukan yang bagi menjamin masa depan atlet termasuk membantu mereka melanjutkan ke pelajaran ke peringkat universiti.

"Sebagai contoh, daripada 2,000 pelajar adakah kesemuanya berjaya? Pasti ada yang kecikiran jika mereka sendiri tidak pandai untuk membawa diri memacu diri ke arah yang diinginkan," katanya.



Jadi siapa yang perlu dipersalahkan ketika sekolah sudah memberikan peluang dan ruang untuk mereka tetapi tidak digunakan sebaik mungkin"

Suhaimi Sun,
Pengetua Sekolah Sukan
Tunku Mahkota Ismail



SENARAI PELAJAR PRAUNIVERSITI SSTMI (SESI 2017/2018) BERJAYA KE UNIVERSITI

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

Muhammad Fahmy Farkhan Sukri - Pendidikan Jasmani	Nurul Aqilah Izzati Hasnawi - Pendidikan Jasmani
Arif Asyraf Shamsuddin - Pendidikan Jasmani	Wan Nur Syafiqah Wan Norhisham - Pentadbiran Perniagaan
Izniza Ismail - Pendidikan Jasmani	Intan Nur Hayati Mahathir - Pentadbiran Perniagaan
Muhammad Azwan Zuwair Mat Zizi - Pendidikan Jasmani	Muhammad Sulaiman Abdul Razak - Komunikasi
Nurul Ain Ab Mutalib - Komunikasi	Nur Asma'a Ahmad Kamil - Komunikasi
Nurafrina Abdul Jalil - Komunikasi	Syed Mohamad Syakir Syed Cholan - Pendidikan Jasmani
Norris Foo - Komunikasi	Fakhrul Adam Fauzi Cruz - Sains Komputer
Muhammad Safiy Md Said - Pendidikan Jasmani	Nur Syuhada Suhaimi - Komunikasi
Ezwan Aqim Mohd Ezani - Komunikasi	Muhammad A'aziem Badaruddin - Pendidikan Jasmani
Faris Imadi Daud - Sastera (Bahasa Inggeris)	Abdul Rahman Lee - Kejuruteraan Mekanikal
Quek Lee Yong - Pendidikan Jasmani	Mohammad Nazrul Ashraf - Komunikasi
Zulmajdi Kamarazali - Komunikasi	Faizol Ikmal Sharif - Komunikasi
Shafuan Shaari - Pendidikan Jasmani	Arif Azmi - Pendidikan Jasmani
Mohamad Hanif Saad - Pendidikan Jasmani	Aaron Lirong Austin - Sains Taman dan Rekreasi
Mohammad Syawal Najmi Amiruddin - Komunikasi	Asnawi Hashim - Komunikasi
Muhammad Lutfil Hadi Azmi - Komunikasi	Nurul Qamarina - Komunikasi
Norrobiatun Norhisam - Pendidikan Jasmani	Ras Ibadah - Komunikasi

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)

Norfatin Nabila Mohamad - Pendidikan Sains Sukan	Muhamad Haikal Iskandar Halidon - Pendidikan Sains Sukan
Badrul Hisyam Abdul Manap - Pendidikan Sains Sukan	Dhanny Capryn - Pendidikan Sains Sukan
Muhammad Nurhakim Yacob - Pendidikan Sains Sukan	Nix Watson - Pendidikan Sains Sukan

UNIVERSITI MALAYA (UM)

Muhammad Danish Al Faruq Shukor - Pengurusan Sukan

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Hollymax Bell - Komunikasi

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Kamaruddin Kodir Beraheng - Pendidikan Sukan & Rekreasi
Mohamad Zhairul Ameen Md Zahid - Pendidikan Sukan & Rekreasi
Syed Muhammad Irfan Syafiq Syed Mohd Kamil
- Pendidikan Sukan & Rekreasi

'Kami diajar cemerlang semua bidang'

Kuala Lumpur: Atlet bola jaring negara, An Najwa Azizan menegaskan pelajar Sekolah Sukan Malaysia (SSM) tidak diajar untuk mengabaikan pelajaran semata-mata demi memberi fokus sepenuhnya kepada bidang sukan.

Bekas pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) itu berkata tanggapan negatif yang menyifatkan pelajar SSM tiada masa untuk menumpukan fokus kepada pelajaran juga adalah tidak benar.

Dia bagaimanapun mengakui pelajar sekolah sukan perlu berusaha lebih sekali ganda berbanding penuntut sekolah biasa kerana perlu mengimbangi antara pelajaran dan sukan yang diceburi.

"Cuma mereka (pelajar) yang tak komited dengan apa yang dia buat saja bermasalah sebab kami di SSM diajar untuk fokus kedua-dua bidang (pelajaran dan sukan).

"Walaupun jadual harian kami padat kerana seawal jam 6.30 pagi sudah mula latihan sebelum sesi persekolahan dan petang pun berlatih lagi. Malam pula ada kelas untuk dapatkan semula pelajaran yang tertinggal.

"Tetapi ada juga pelajar yang abaikan kelas dan tak mengikuti program yang disediakan pihak sekolah. Saya tak setuju kalau orang kata sistem sekolah sukan itu menyebabkan pelajar gagal.

"Kalau orang lain boleh dapatkan keputusan yang baik dalam peperiksaan, kenapa kita tidak boleh? Jadi, pokok pangkalnya terpulung pada diri sendiri," katanya.

Utamakan pelajaran

Sukan NSTP pada Isnin lalu melaporkan ramai 'graduans' sekolah sukan hilang arah tuju selepas tiada kesinambungan dalam bidang sukan yang diceburi.

Selain itu, Najwa yang kini melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam jurusan Ijazah Komunikasi turut menjelaskan pihak sekolah sentiasa memantau pencapaian pelajar sama ada dari aspek akademik dan sukan.

"Ketika saya di bawah naungan Datuk Marina Chin (sebagai Pengetua SSBJ) pun, setiap kali ucapan beliau sentiasa menekankan supaya pelajar utamakan pelajaran.

"Malah, kalau saya tak mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan seperti ditetapkan pihak sekolah, saya tak dibenarkan untuk menyertai perlawanan.

"Jadi, nak ke tak nak kami kena berusaha sebaik mungkin mencapai keputusan yang dihidkan sekolah dalam akademik," katanya.



Cuma mereka (pelajar) yang tak komited dengan apa yang dia buat saja bermasalah sebab kami di SSM diajar untuk fokus kedua-dua bidang (pelajaran dan sukan)"

An Najwa Azizan,
Atlet bola jaring negara